

Sokong perjalanan pembelajaran kanak-kanak

TAHUN-TAHUN awal dalam kehidupan kanak-kanak adalah waktu genting bagi perkembangan mereka dalam jangka masa panjang.

Ingin menawarkan permulaan terbaik kepada kanak-kanak ini, tidak kira latar belakang keluarga, syarikat SP Group baru-baru ini memulakan daya usaha baru 'SP Kids at Heart' untuk menyokong perjalanan pembelajaran mereka.

Menawarkan akses kepada bahan pembelajaran yang diperlukan, pengerusi SP Group, Tan Sri Hassan Marican, berkata beliau berharap dapat memberi permulaan terbaik dalam tahun-tahun formatif mereka.

Di tengah-tengah pandemik dengan ramai mungkin terjejas, beliau menambah bahawa ia semakin penting untuk mendekati mereka supaya pembelajaran mereka tidak terjejas.

"Kami percaya bahawa melalui 'SP Kids at Heart', kami dapat memberikan kepada anak-anak, yang merupakan masa depan Singapura, permulaan terbaik dalam tahun-tahun formatif mereka, dengan akses kepada bahan pembelajaran yang tepat.

"Oleh itu, kami menyediakan alat digital, dan membantu keluarga menyiapkan penghalang (*router*) dan tablet supaya pembelajaran mereka berterusan," katanya.

Tambahnya, bagi golongan ibu bapa pula, program itu bertujuan meningkatkan kema-

hiran insani, atau '*soft skill*', untuk mendekati anak-anak mereka serta menyokong mereka dalam pendidikan holistik.

Melancarkan daya usaha ini pada Jun lalu, SP Group telah mendermakan \$1 juta dengan melancarkan program 'SP Kids at Heart' baru yang bertujuan menyokong pembelajaran kanak-kanak berusia enam tahun dan ke bawah yang mengikuti program KidSTART.

Di bawah program 'SP Kids at Heart', sekitar 2,000 kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah akan menerima alat elektronik seperti komputer tablet dan *router* Internet untuk digunakan bagi mengikuti pelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 ini.

Kanak-kanak ini juga akan menerima barang mainan, buku dan bahan pendidikan dalam bentuk pek pembelajaran dan pembangunan selama setahun.

Di samping itu, SP Group juga akan menyediakan baucar barangan dapur dan pakej bantuan kewangan lain untuk membantu mewujudkan sekitaran pembelajaran di rumah yang lebih sesuai bagi kanak-kanak itu.

Selain itu, SP Group kini juga sedang bekerjasama bersama Dana Masyarakat dengan terus mengenal pasti rakan kongsi yang berpotensi mengusahakan daya usaha yang memerlukan sokongan mereka untuk



AKSES KEPADA SUMBER PENDIDIKAN: SP Heart Workers menyediakan pakej pendidikan yang termasuk peralatan pendidikan, buku-buku dan mainan bagi kanak-kanak di bawah program 'SP Kids at Heart'. – Foto SP GROUP

menyediakan anak kecil dengan permulaan kehidupan yang baik, bagi masa depan lebih baik dan lestari.

Ini bukan kali pertama SP Group pernah bekerjasama dengan KidSTART. Malah, mereka pernah bekerjasama dalam program 'Membesar Bersama' pada 2019 dengan menampilkan 50 kakitangan yang menjadi rakan KidSTART.

Dalam satu wawancara melalui e-mel, Tan Sri Hassan menjelaskan bahawa SP Group berharap dapat terus memberi kembali kepada masyarakat dengan cara yang berterusan kepada mereka yang memerlukan.

"Sejak 2005, lebih daripada \$17 juta telah dikumpulkan untuk Dana SP Heartware untuk membantu program warga emas di bawah Dana Masyarakat.

"SP telah menyediakan lebih daripada

7,200 makanan setiap tahun untuk warga emas di Toa Payoh West-Balestier sejak 2018.

"Tahun ini, SP Heart Workers juga meneruskan usaha amal tahunan Power Packs untuk mengagihkan pakej makanan harian kepada warga emas yang memerlukan. Acara SP Charity Golf pada April berjaya mengumpulkan sebanyak \$500,000 untuk Dana SP Heartware," katanya.